

29/06/1997

Abu Hassan temui PM di London

SHAH ALAM: Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar akan menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memberi taklimat mengenai perkembangan politik, pentadbiran kerajaan negeri dan projek yang sedang dilaksanakan di Selangor ketika bercuti di England mulai hari ini.

"Saya akan bercuti selama seminggu mulai esok (hari ini) sehingga 7 Julai ini untuk menyaksikan konvokesyen anak saya di England.

"Ketika berada di sana, saya akan bertemu Perdana Menteri bagi memberi taklimat mengenai perkembangan politik, pentadbiran kerajaan negeri serta projek yang sedang dilaksanakan di Selangor," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Kosas Ke-17 di sini, semalam.

Turut hadir Pengerusi Kosas, Datuk Mohd Aini Taib serta beberapa ahli lembaga pengarah koperasi itu.

Beliau akan menemui Perdana Menteri di London pada 1 Julai ini dan Abu Hassan berkata, pertemuan itu adalah yang pertama sejak beliau dilantik sebagai Menteri Besar Selangor.

"Mungkin ada beberapa perkara akan dibincangkan dengan Dr Mahathir dalam pertemuan itu selain Perdana Menteri hendak tahu perkembangan politik, pentadbiran kerajaan negeri dan projek yang sedang dilaksanakan di Selangor.

"Jadi, saya akan memberi taklimat kepada Perdana Menteri mengenai perkara yang dinyatakan itu," katanya.

(END)